



جَابَاتَانِ پَلَاڠَرَانِ نَغَرِي كَدَاهِ دَارُ الْاَمَانِ

JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR STAR
KEDAH DARUL AMAN

TELEFON - A.S. 04-7331311
No. FAX - 04-7317242

“KEDAH MAJU 2010”
“KEDAH GEMILANG”

Surat Kami : JPK(PPPS) 03-01/2 Jld.5 (49)
Tarikh : 10 Oktober 2006

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah
Negeri Kedah Darul Aman.

*En. Ibrahim
puta panjangka
kepada semua sekolah
di daerah K. Setar.*

Tuan,

KESELAMATAN SEKOLAH SEMASA CUTI PERAYAAN DAN CUTI PERSEKOLAHAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

16.10.06

2. Akhir-akhir ini sering berlaku kecurian peralatan di sekolah terutama semasa cuti persekolahan. Pelbagai peralatan terutama perkakasan ICT yang mahal harganya menarik perhatian pencuri.

3. Sehubungan itu, semua pengetua dan guru besar dikehendaki mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan kejadian kecurian tidak berlaku di sekolah. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu diberi perhatian:

- 3.1 Sila pastikan peralatan-peralatan seperti Komputer, LCD dan sebagainya disimpan di tempat yang selamat (bilik yang kebal).
- 3.2 Semak semua bilik dan pastikan ia selamat sebelum bercuti. Pagar sekolah hendaklah dalam keadaan yang baik.
- 3.3 Pastikan pengawal keselamatan bertugas mengikut jadual yang ditetapkan dan kawasan sekolah sentiasa dikawal.
- 3.4 Bagi sekolah yang berisiko dilanda banjir, sila pastikan peralatan sekolah disimpan di tempat yang selamat.

4. Kerjasama tuan amat diharapkan untuk menyampaikan maklumat ini kepada semua sekolah di bawah pentadbiran tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menurut perintah,


(MISRAH BIN HAJI IBRAHIM)
Pegawai Pelajaran Negeri Kedah Darul Aman.

Coz.ppps.doc

TERIMA
12 OCT 2006
PEJABAT PELAJARAN DAERAH
KOTA SETAR